Perkembangan teknologi dalam pendidikan yang kerap berubah juga menjadi satu cabaran kepada guru dan bakal guru dalam menguasai PdP berbantuan TMK (Goktas, Yildirim, & Yildirim, 2009). Justeru, Zhang (2014) menyatakan pengetahuan dan pemahaman dalam bidang teknologi amat diperlukan oleh bakal guru memandangkan teknologi adalah jentera utama kepada pemerolehan maklumat yang pantas dan menjimatkan masa terhadap proses PdP. Kemahiran PdP dengan menggunakan teknologi adalah satu aktiviti yang memerlukan guru dan bakal guru menguasai kemahiran dan kepakaran dalam teknologi bagi membolehkan anak didik mereka mengikuti proses PdP dengan baik dan berkesan (Hall, Atkins, & Fraser, 2014).

1.2 Latar Belakang Kajian

Walaupun guru menggunakan teknologi dalam PdP, namun ia didapati tidak berpusatkan pelajar kerana majoriti guru masih bergantung kepada kaedah syarahan (Pedersen & Liu, 2003). Kenyataan ini adalah berpadanan dengan kajian yang dijalankan oleh Rozita Radhiah Said dan Abdul Rasid Jamian (2012) yang mendapati guru menumpu sepenuhnya kepada kaedah syarahan dengan penerangan dan sesi soal jawab yang diikuti dengan bacaan yang kuat oleh pelajar. Justeru, salah satu cara untuk melibatkan pelajar dalam PdP adalah dengan menggunakan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar seperti Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) (Moursund, 2003).

Tambahan lagi, dengan penggunaan TMK dalam PBP dapat mengatasi beberapa kekangan yang dihadapi semasa melaksanakan PBP secara konvensional (Bruckman, 2006). Pendapat ini juga disetujui oleh Solomon (2003) yang menjelaskan penggunaan PBP dalam talian (ePBP) memudahkan akses untuk berkomunikasi dan kolaborasi dengan dunia luar bagi memperolehi maklumat. Tambahan pula, ia dapat

dilakukan di luar waktu persekolahan melalui aplikasi dalam talian seperti email, forum, blog dan aplikasi secara dalam talian yang lain (Solomon, 2003). ePBP juga menjadikan sumber rujukan senang diakses untuk mendapatkan maklumat melalui perpustakaan maya yang secara fizikalnya jauh dari lokasi kediaman (Solomon, 2003).

Selain itu, ePBP juga membuka ruang untuk berinteraksi bersama kenalan, masyarakat luar dan juga pakar terhadap amalan dunia sebenar (Wang & Reeves, 2006). McKimm, Jollie, dan Cantillon (2003) menambah pelbagai jenis maklumat dan bahan pembelajaran juga dapat diakses daripada pelbagai laman web. Ini dapat memupuk minat, menambah dan mengembangkan pengetahuan terhadap pencarian penyelesaian kepada permasalahan projek yang berlaku dalam dunia sebenar (Barak & Dori, 2005). Kaedah PdP sebegini juga membolehkan guru memantau dan menyemak semula tugas projek (Wang & Reeves, 2006) serta berbincang mengenai tugas projek (Hung, Tan, & Chen, 2005) di mana-mana sahaja tanpa mengira masa. Tambahan lagi, ePBP menjadikan pelajar berperanan sebagai seorang pengurus dalam pembelajaran mereka dan memberi peluang kepada mereka untuk memperolehi kemahiran regulasi sendiri (Moursund, 2003).

Regulasi sendiri merangkumi daya usaha seseorang untuk menguruskan proses pembelajaran mereka bagi mencapai matlamat pembelajaran mereka (Zimmerman & Schunk, 2011). Oleh yang demikian, regulasi sendiri diperlukan oleh setiap guru untuk memperkembangkan pembelajaran pelajar mereka, merangsang pemikiran pelajar dan menyusun jadual masa terhadap tuntutan tugas kerja mereka (Bolhuis & Voeten, 2001; Paris & Winograd, 2003). Tambahan lagi, Paris dan Winograd (2001) menjelaskan guru perlu menyesuaikan diri dalam menghadapi pelbagai situasi yang mungkin mereka hadapi dalam bilik darjah serta terpaksa juga menyesuaikan diri dengan kurikulum yang sentiasa berubah selari dengan perkembangan teknologi. Oleh

itu, salah satu cara untuk mengekalkan regulasi sendiri dalam kalangan guru adalah ketika mereka masih bergelar guru pelatih dengan didedahkan cara pengurusan proses pembelajaran mereka berdasarkan ePBP bagi mencapai matlamat pembelajaran masing-masing (Anderton, 2006).

Perlaksanaan ePBP didapati berpotensi menyokong penguasaan kemahiran regulasi sendiri (Dabbagh & Kitsantas, 2004). Ini berpadanan dengan saranan Ravitz dan Blazeovski (2014) yang menyatakan bahawa melalui ePBP, seseorang itu boleh memilih masa, kandungan serta hala tuju pembelajaran mereka sendiri. Tambahan lagi, kajian Corrigan dan Taylor (2004) mendapati pembelajaran aktif seperti ePBP dapat memupuk kemahiran regulasi sendiri dalam kalangan guru pelatih dengan lebih yakin. Oleh sebab itu, Tantrarungroj dan Suwannatthachote (2012) mencadangkan keperluan meningkatkan pengalaman yang positif terhadap TMK semasa guru pelatih masih dalam pembelajaran pendidikan guru dengan melaksanakan ePBP.

Mulai tahun 2011, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah melalui proses transformasi yang telah diperkukuh dan ditambah baik dan dikenali sebagai Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). KSSR menyarankan pembelajaran secara pengalaman dilaksanakan bagi menjadikan pembelajaran adalah sesuatu yang menyeronokkan (BPK, 2010). Antara pembelajaran secara pengalaman yang disarankan oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) dalam KSSR ialah melakukan inkuiri penemuan, pembelajaran berasaskan projek, berkolaborasi dan menyelesaikan masalah (BPK, 2010). Melalui KSSR ini, mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) diperkenalkan bagi menggantikan mata pelajaran Kemahiran Hidup yang telah ditambah baik. Oleh itu, KPM (2012b) mencadangkan supaya guru-guru sekolah rendah mengutamakan kaedah PBP dalam sesi PdP mereka.

Perkembangan ini juga memerlukan perubahan dalam sukatan pendidikan RBT bagi program pendidikan guru.

Oleh yang demikian, IPG terlibat secara langsung dalam melatih dan menyediakan guru pelatih sekolah rendah melalui kursus-kursus pra perkhidmatan yang ditawarkan di IPG seperti Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP), Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), Diploma Perguruan Lepas Ijazah (DPLI), Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah (PGSR) dan Program Pensiswazahan Guru (PPG) (Jawatankuasa Perancangan dan Laporan Tahunan, 2014). RBT merupakan bidang yang dikendalikan oleh Unit Reka Bentuk Teknologi di bawah Jabatan Sains Sosial di IPG.

PdP mata pelajaran RBT secara umumnya dijalankan di bengkel RBT yang menggunakan pelbagai alatan tangan dan mesin (BPK, 2013). Penggunaan peralatan tangan dan mesin ini berkemungkinan mengakibatkan kemalangan sekiranya kurang pengetahuan mengenai pengurusan keselamatan bengkel (Siti Nakiah, Noor Raudhiah, & Hashim Azharuddin, 2015). Bagi guru pelatih yang mengikuti kursus RBT, mereka berkemungkinan menghadapi pelbagai risiko kemalangan semasa melakukan kerja bengkel (Yusof Boon & Azri Ikhwan Ahmad, 2012). Kemalangan secara hakikatnya tidak dapat dielakkan sepenuhnya namun dapat dicegah sekiranya semua pihak yang terlibat mengetahui cara pengurusan keselamatan bengkel yang betul. Justeru, aspek pengurusan keselamatan bengkel perlu diberi perhatian khusus semasa melakukan kerja-kerja bengkel. Jadual 1.1 menunjukkan kes kemalangan yang telah direkodkan di bengkel RBT bagi tahun 2016 dan 2017 di IPG Kampus Perlis (IPGKP), Tuanku Bainun (IPGKTB), Sultan Abdul Halim (IPGKSAH), Pendidikan Teknik (IPGKPT) dan Tun Hussein Onn (IPGKTHO).

Jadual 1.1

Data Kemalangan di Bengkel RBT Bagi tahun 2016 dan 2017

IPG Kampus	2016	2017
1. Perlis	2	3
2. Sultan Abdul Halim	1	4
3. Tuanku Bainun	Tiada Rekod	2
4. Pendidikan Teknik	4	9
5. Tun Hussein Onn	2	2

Jadual 1.1 membuktikan terdapat peningkatan kes kemalangan yang berlaku di bengkel RBT IPG. Walaupun amalan pengurusan keselamatan bengkel diberi perhatian yang serius namun kemalangan di bengkel masih lagi berlaku. Perkara ini juga dapat dilihat melalui peningkatan statistik kemalangan yang berlaku di tempat kerja seluruh Malaysia. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) dalam Laporan Tahunan 2016 JKKP dan 2017 JKKP, didapati kes kemalangan sektor perindustrian mencatatkan kemalangan tertinggi berbanding sektor yang lain (JKKP, 2016, 2018). Malah terdapat peningkatan kemalangan yang berlaku dalam sektor perindustrian. Jadual 1.2 menunjukkan perbezaan statistik kemalangan mengikut sektor yang disiasat oleh JKKP bagi tahun 2016 dan 2017.

Jadual 1.2

Statistik kemalangan yang Disiasat oleh JKPP Tahun 2016 dan 2017 Mengikut Sektor

Sektor	Bil kes kemalangan yang disiasat mengikut tahun	
	2016	2017
Perindustrian	2041	2315
Pertanian, Perhutanan & Perikanan	480	467
Pembinaan	237	272
Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	131	137
Kewangan, Insurans, Hartanah & Perkhidmatan Perniagaan	119	126
Perdagangan Borong & Runcit	108	111
Perlombongan & Penguarian	39	24
Kemudahan (Elektrik, Gas, Air dan Perkhidmatan Kebersihan)	96	74
Hotel & Restoran	62	87
Perkhidmatan Awam & Pihak Berkuasa Berkanun	32	120
JUMLAH	3345	3733

Kemalangan yang berlaku ini kebanyakannya berpunca daripada kecuaiian manusia sendiri yang tidak mementingkan aspek keselamatan semasa bekerja (Noorul Huda, Norudin, & Zalinawati, 2012). Oleh itu, amalan pengurusan keselamatan bengkel perlu diterapkan kepada setiap individu semasa di alam persekolahan lagi bagi mengurangkan kadar kemalangan yang mungkin berlaku (Yusof Boon & Azri Ikhwan Ahmad, 2012). RBT merupakan satu-satunya mata pelajaran yang menggunakan bengkel untuk sesi PdP di sekolah (Sharifah Shafie, Suhaida Abdul Kadir, & Soaib Asimiran, 2013). Oleh yang demikian, bakal guru RBT perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam aspek pengurusan keselamatan bengkel kerana ketiadaan pembantu bengkel sejak ia diperkenalkan pada tahun 1991 (Sharifah Shafie et al., 2013).

Di samping itu juga, BPK (2013) telah menetapkan matlamat utama mata pelajaran RBT adalah menguasai proses atau langkah-langkah reka bentuk dalam menghasilkan produk berkualiti disamping mengaplikasikan penggunaan teknologi. Proses reka bentuk ini dapat dipertingkatkan dengan adanya penerapan pemikiran rekabentuk (Beckman & Barry, 2007). Pemikiran reka bentuk diyakini dapat memainkan peranan penting dan diperlukan dalam bidang pendidikan reka bentuk (Joyce Hwee, Ching, Benjamin Wong, & Huang-Yao, 2015). Oleh itu, pemikiran reka bentuk adalah bersesuaian untuk diterapkan dalam proses pembelajaran RBT kerana ia membantu meyakinkan guru pelatih mendapatkan penyelesaian dan membina kesan yang positif dalam tugas projek yang diberikan (Lindberg, 2009). Ini kerana mata pelajaran RBT berbeza dengan mata pelajaran lain kerana RBT mengutamakan PBP untuk menghasilkan produk sebagai sebahagian daripada pembelajaran (Mohd Bakari Zakaria, Hatta Ismail, & Mohamad Abdullah, 2007).

Justeru, implikasi kepada cadangan tentang penerapan pemikiran reka bentuk diperlukan dalam membantu guru pelatih lebih bertanggungjawab dalam pembelajaran mereka (Tsai, Chai, Wong, Hong, & Tan, 2013). Tsai et al., (2013) juga menjelaskan sungguhpun penerapan pemikiran reka bentuk dilakukan bagi tujuan menyokong pelaksanaan langkah-langkah ePBP, namun dijangkakan tidak semua guru pelatih mengetahui cara untuk mengoperasikan kemahiran pemikiran reka bentuk yang diperlukan dalam menyelesaikan tugas-tugas projek yang kompleks secara berkesan. Walaupun terdapat peningkatan kajian mengenai kecekapan pemikiran reka bentuk terhadap pelajar, namun masih kurang kajian dalam bidang kesediaan guru pelatih sebelum mereka berkhidmat di sekolah (Collins & Halverson, 2010).

Collins dan Halverson (2010) juga menambah bahawa dengan kepesatan pembangunan teknologi, maka keperluan guru yang mempunyai pemikiran reka

bentuk berteraskan teknologi dalam pembelajaran turut meningkat. Jelas sekali, guru pelatih perlu dilengkapkan dengan kemahiran pemikiran reka bentuk supaya mereka boleh mereka bentuk pembelajaran yang berkesan untuk menghadapi pelbagai individu yang berbeza dan bakal pelajar-pelajar mereka (Joyce Hwee et al., 2015).

1.3 Pernyataan Masalah

Sungguhpun terdapat pelbagai latihan dan kursus pengurusan keselamatan bengkel dijalankan, namun masih terdapat peningkatan dalam kemalangan di tempat kerja saban tahun (JKKP, 2016a). Salah satu faktor penyebab kepada peningkatan kemalangan di tempat kerja di Malaysia adalah berpunca daripada kecuaiian manusia sendiri yang tidak mengambil berat tentang pengurusan keselamatan bengkel (Noorul Huda et al., 2012). Tambah Roslena Che Juhan (2012) lagi, kesedaran terhadap pengurusan keselamatan bengkel perlu disemai kepada setiap individu sejak diawal persekolahan lagi. Manakala, kajian oleh Mazliah Abdul Rahman (2012) mendapati kesedaran guru-guru terhadap pengurusan keselamatan bengkel adalah pada tahap sederhana sahaja. Justeru, bakal guru ataupun guru pelatih perlu menguasai pengurusan keselamatan bengkel sebelum ditugaskan di sekolah.

Topik Pengurusan Keselamatan Bengkel hanya dipelajari oleh guru pelatih yang mengikuti jurusan reka bentuk teknologi yang terkandung dalam mata pelajaran Pengenalan Kepada Pendidikan Kemahiran Hidup Sekolah Rendah (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2013). Walaupun pencapaian dalam mata pelajaran ini dilihat hampir lulus keseluruhannya, namun majoriti guru pelatih masih pada tahap sederhana iaitu pada tahun 2014 sebanyak 80% guru pelatih pada tahap pencapaian sederhana dan lulus berserta seorang guru pelatih gagal (IPGKSAH, 2014; IPGKTB, 2014). Manakala, pada tahun 2015 sebanyak 77% guru pelatih pada tahap pencapaian

sederhana dan lulus (IPGKSAH, 2015; IPGKTB, 2015). Jadual 1.3 menunjukkan perbezaan pencapaian guru pelatih IPG zon utara terhadap mata pelajaran Pengenalan Kepada Pendidikan Kemahiran Hidup Sekolah Rendah mengikut gred.

Jadual 1.3

Pencapaian Mata Pelajaran Pengenalan Kepada Pendidikan Kemahiran Hidup Sekolah Rendah Guru Pelatih di IPG Zon Utara

Markah	Gred	Tahun			
		2014		2015	
		Bil	Peratus	Bil	Peratus
80 - 100	A (Cemerlang)	6	2%	8	3%
60 - 79	B (Baik)	46	17%	52	20%
50 - 59	C (Sederhana)	162	60%	134	52%
40 - 49	D (Lulus)	54	20%	66	25%
0 - 39	E (Gagal)	1	1%	0	0
JUMLAH		269	100	260	100

Di samping itu, guru pelatih juga didapati tidak bersedia untuk mengintegrasikan teknologi ke dalam bilik darjah (Coutinho, 2008; Gill & Dalgarno, 2008; Lei, 2009). Rosnaini Mahmud dan Mohd Arif Ismail (2010) mendapati kemahiran penggunaan TMK dalam kalangan guru pelatih di Malaysia adalah rendah. Manakala, Lei (2009) telah mengkaji kemahiran guru pelatih untuk mengintegrasikan TMK dalam bilik darjah dan mendapati ramai guru pelatih sangat berminat untuk menggunakan TMK dalam PdP tetapi mereka kurang pengalaman dan kepakaran cara menggunakannya secara berkesan di dalam bilik darjah. Ini kerana mereka kurang didedahkan penggunaan TMK semasa menjalani latihan pendidikan guru (Lei, 2009). Oleh itu, beliau mencadangkan guru pelatih perlulah diberi latihan yang mencukupi

mengenai penggunaan TMK terlebih dahulu semasa menjalani latihan pendidikan guru sebelum ditugaskan mengajar di sekolah.

Dapatan kajian Lei (2009) berpadanan dengan dapatan kajian Saltan dan Arslan, (2017) yang mendapati guru pelatih mempunyai tahap yang rendah terhadap pemahaman penggunaan TMK dan keyakinan yang rendah terhadap penggunaan TMK dalam PdP. Dapatan ini menunjukkan bakal guru tidak bersedia dalam menghadapi cabaran persekitaran PdP abad ke-21. Ini kerana guru pelatih kurang didedahkan dengan TMK yang mana pensyarah pendidikan guru masih menggunakan pendekatan konvensional untuk mengajar mereka (Hammond & Macken-Horarik, 2001). Oleh itu, bakal guru masa kini mestilah mempunyai kemahiran penggunaan TMK yang mencukupi dan berpengetahuan dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran aktif, pembelajaran kolaborasi dan kerja berkumpulan sebelum ditempatkan di sekolah (Nelson, Christopher, & Mims, 2009)

Burnett (2011) juga menegaskan bahawa guru pelatih memerlukan satu strategi pembelajaran yang dapat membantu mereka meningkatkan keupayaan dan keyakinan terhadap penggunaan TMK dalam pembelajaran. Oleh itu, PBP dijangkakan dapat membantu guru pelatih dalam meningkatkan kemahiran mereka terhadap penggunaan TMK dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa masalah yang dihadapi sekiranya PBP secara konvensional dilaksanakan (Moursund, 2003).

Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) pada tahun 2006 melakukan kajian rintis mengenai pelaksanaan PBP dan mendapati adalah sukar untuk dilaksanakan di Malaysia kerana guru terikat dengan masa jadual waktu persekolahan. Tambahan pula, projek yang dilakukan memerlukan masa yang lama untuk dilaksanakan (Thomas, 2000) dan sumber rujukan yang terhad menjadikan PBP yang bersifat konvensional

menjadi satu cabaran yang sangat kompleks (Solomon, 2003). Oleh sebab itu, Moursund (2003) mencadangkan PBP dilaksanakan secara ePBP bagi menghadapi masalah yang dinyatakan. Penggunaan teknologi secara dalam talian membolehkan PBP dilaksanakan dengan lebih efektif (Solomon, 2003). Oleh yang demikian, kajian ini cuba mengetengahkan penggunaan pemikiran rekabentuk yang diterapkan dalam ePBP untuk membantu guru pelatih melakukan operasi pemikiran reka bentuk supaya guru pelatih dapat melaksanakan langkah-langkah ePBP secara berkesan. Menerusi kajian ini juga kesan penerapan pemikiran reka bentuk pada ePBP dilihat dari aspek pencapaian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel.

1.4 Tujuan Kajian

Bagi mengkaji keberkesanan pemikiran reka bentuk pada ePBP maka kajian ini membandingkan ePBP yang diterapkan dengan pemikiran reka bentuk (ePBP dengan PR) dan ePBP tanpa diterapkan pemikiran reka bentuk (ePBP tanpa PR) terhadap pencapaian dan pengekalan pencapaian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel. Walau bagaimanapun, berdasarkan tinjauan literatur, didapati tahap regulasi sendiri menentukan keberkesanan pembelajaran secara dalam talian terhadap pencapaian (Barnard, Paton, & Lan, 2008; Cho & Shen, 2013; Hodges & Kim, 2010; Matuga, 2009; Puzziferro, 2008). Justeru, kajian ini juga turut menyelidik sama ada kesan penerapan pemikiran reka bentuk dan tanpa penerapan pemikiran reka bentuk pada ePBP memberi kesan yang berbeza terhadap guru pelatih yang mempunyai tahap regulasi sendiri yang berbeza. Seterusnya, kajian ini juga mengkaji kesan interaksi antara penerapan pemikiran reka bentuk dan tanpa penerapan pemikiran reka bentuk pada ePBP dengan tahap regulasi sendiri terhadap pencapaian dan pengekalan pencapaian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel.

1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya objektif kajian adalah seperti berikut:

- 1.5.1 Menentukan sama ada penggunaan ePBP dengan PR memberi kesan terhadap pencapaian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel guru pelatih IPG.
- 1.5.2 Mengkaji sama ada penggunaan ePBP dengan PR memberi kesan terhadap pencapaian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel guru pelatih IPG yang mempunyai tahap regulasi sendiri tinggi.
- 1.5.3 Mengkaji sama ada penggunaan ePBP dengan PR memberi kesan terhadap pencapaian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel guru pelatih IPG yang mempunyai tahap regulasi sendiri yang rendah.
- 1.5.4 Menentukan sama ada ePBP dengan PR memberi kesan terhadap pengesanan pencapaian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel guru pelatih IPG.
- 1.5.5 Mengkaji sama ada penggunaan ePBP dengan PR memberi kesan terhadap pengesanan pencapaian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel guru pelatih IPG yang mempunyai tahap regulasi sendiri tinggi.
- 1.5.6 Mengkaji sama ada penggunaan ePBP dengan PR memberi kesan terhadap pengesanan pencapaian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel guru pelatih IPG yang mempunyai tahap regulasi sendiri yang rendah.

1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan tujuan dan objektif kajian yang dijelaskan, berikut disenaraikan beberapa persoalan yang cuba dijawab dalam kajian ini.

- 1.6.1 Adakah terdapat kesan utama yang signifikan bagi kaedah pembelajaran terhadap min skor ujian pasca pencapaian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel dalam kalangan guru pelatih IPG apabila kesan ujian pra pencapaian dikawal?
- 1.6.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pasca pencapaian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel dalam kalangan guru pelatih IPG yang mempunyai tahap regulasi sendiri tinggi yang mengikuti ePBP dengan PR atau ePBP tanpa PR apabila kesan ujian pra pencapaian dikawal?
- 1.6.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pasca pencapaian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel dalam kalangan guru pelatih IPG yang mempunyai tahap regulasi sendiri rendah yang mengikuti ePBP dengan PR atau ePBP tanpa PR apabila kesan ujian pra pencapaian dikawal?
- 1.6.4 Adakah terdapat kesan utama yang signifikan bagi kaedah pembelajaran terhadap min skor ujian pasca lanjutan pencapaian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel dalam kalangan guru pelatih IPG apabila kesan ujian pra pencapaian dikawal?
- 1.6.5 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pasca lanjutan pencapaian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel dalam kalangan guru pelatih IPG yang mempunyai tahap regulasi sendiri

tinggi yang mengikuti ePBP dengan PR atau ePBP tanpa PR apabila kesan ujian pra pencapaian dikawal?

- 1.6.6 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pasca lanjutan pencapaian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel dalam kalangan guru pelatih IPG yang mempunyai tahap regulasi sendiri rendah yang mengikuti ePBP dengan PR atau ePBP tanpa PR apabila kesan ujian pra pencapaian dikawal?

1.7 Hipotesis Kajian

- Ho₁: Tidak terdapat kesan utama yang signifikan bagi kaedah pembelajaran terhadap min skor ujian pasca pencapaian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel dalam kalangan guru pelatih IPG apabila kesan ujian pra pencapaian dikawal.
- Ho₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pasca pencapaian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel dalam kalangan guru pelatih IPG yang mempunyai tahap regulasi sendiri tinggi yang mengikuti ePBP dengan PR atau ePBP tanpa PR apabila kesan ujian pra pencapaian dikawal.
- Ho₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pasca pencapaian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel dalam kalangan guru pelatih IPG yang mempunyai tahap regulasi sendiri rendah yang mengikuti ePBP dengan PR atau ePBP tanpa PR apabila kesan ujian pra pencapaian dikawal.
- Ho₄: Tidak terdapat kesan utama yang signifikan bagi kaedah pembelajaran terhadap min skor ujian pasca lanjutan pencapaian topik Pengurusan

Keselamatan Bengkel dalam kalangan guru pelatih IPG apabila kesan ujian pra pencapaian dikawal.

H₀₅: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pasca lanjutan pencapaian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel dalam kalangan guru pelatih IPG yang mempunyai tahap regulasi sendiri tinggi yang mengikuti ePBP dengan PR atau ePBP tanpa PR apabila kesan ujian pra pencapaian dikawal.

H₀₆: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pasca lanjutan pencapaian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel dalam kalangan guru pelatih IPG yang mempunyai tahap regulasi sendiri rendah yang mengikuti ePBP dengan PR atau ePBP tanpa PR apabila kesan ujian pra pencapaian dikawal.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini mempunyai kepentingan terhadap lima pihak iaitu pihak guru pelatih, pihak pensyarah Institut Pendidikan Guru, pihak panel pengubal kerja kursus IPGM, pihak pengurusan IPGM dan pihak Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP).

1.8.1 Guru Pelatih

Dapatan kajian ini diharap dapat meningkatkan pemahaman dan pengetahuan guru pelatih di IPG tentang kepentingan pelaksanaan pemikiran reka bentuk terhadap kursus-kursus yang mereka ikuti terutama dalam bidang RBT. Pengetahuan dan pemahaman tentang pemikiran reka bentuk berupaya dipertingkatkan kerana mereka

akan menjadi guru mata pelajaran RBT disekolah rendah yang berpandukan dokumen KSSR. KSSR, (2012) mencadangkan supaya guru-guru RBT mengutamakan kaedah pembelajaran yang memfokuskan kerja buat sendiri (DIY), peka terhadap masalah sekeliling dan bersikap positif semasa menjalankan aktiviti (KPM, 2013).

1.8.2 Pensyarah Institut Pendidikan Guru

Setiap kursus yang diajar di IPG memerlukan setiap pensyarah IPG menyediakan tugas kerja kursus dengan pemberatan markah antara 50% hingga 60%. Oleh itu, kajian ini dapat dijadikan panduan kepada pensyarah-pensyarah IPG dalam pelaksanaan tugas projek yang lebih sistematik untuk memaksimumkan perkembangan guru-guru pelatih dari aspek perkembangan ilmu, regulasi sendiri, ketrampilan iktisas dan kemahiran pemikiran reka bentuk. Pensyarah juga dapat membandingkan dapatan kajian dengan amalan tugas projek yang mereka laksanakan. Segala kekuatan dan kelemahan dalam pelaksanaan pemikiran reka bentuk dapat dikongsi bersama bagi meningkatkan kualiti pentaksiran di IPG.

1.8.3 Panel Penggubal Kerja Kursus IPGM

Kajian ini juga dapat membantu pensyarah-pensyarah IPG yang terlibat sebagai panel penggubalan kerja kursus Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dalam membantu mereka memilih tajuk pembelajaran dengan penggunaan pemikiran reka bentuk yang sesuai dilaksanakan. Panel penggubal kerja kursus IPGM dapat menyediakan panduan kepada semua pensyarah di IPG seluruh Malaysia dalam usaha mencapai matlamat pentaksiran kerja kursus seperti yang ditetapkan. Pensyarah juga perlu bersedia menghadapi masalah dan cabaran semasa pelaksanaan pemikiran reka

bentuk, jadi dapatan kajian ini dijangka memberi maklumat yang berguna untuk membantu mereka merancang dalam mengubal kerja kursus yang lebih sistematik lagi.

1.8.4 Pihak Pengurusan IPGM

Kajian ini penting bagi pihak pengurusan IPGM untuk merancang kursus dalam perkhidmatan bagi meningkatkan ilmu dan kemahiran pensyarah berkaitan pemikiran reka bentuk. Ini kerana pemikiran reka bentuk merupakan salah satu kaedah PdP yang perlu diberi keutamaan terutama kepada pensyarah yang mengajar mata pelajaran RBT dalam pelaksanaan kurikulum Ijazah Sarjana Muda Perguruan di IPG. Seterusnya diharap kajian ini dapat membantu pihak berkaitan berusaha melengkapkan peralatan di dalam bengkel-bengkel pembelajaran supaya pelaksanaan pemikiran reka bentuk yang berkaitan bidang teknikal tidak terganggu. Begitu juga dengan perancangan pengajaran kursus-kursus tertentu supaya menyokong pelaksanaan pemikiran reka bentuk sebagai proses PdP.

1.8.5 Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP)

Akhir sekali, kajian ini berpotensi dapat memberi maklumat kepada BTP yang merupakan penyelarasa kepada pelaksanaan ePBP di sekolah untuk membuat inovasi dengan menerapkan pemikiran reka bentuk dalam ePBP tersebut. Dapatan kajian ini, diharap dapat membantu pihak BTP dalam merancang, membuat penambahbaikan ke atas dasar pelaksanaan PBP di sekolah.

1.9 Definisi Operasi

Kajian ini terbatas dan tertakluk kepada definisi operasi yang diberikan di bawah. Walau bagaimanapun, definisi untuk setiap konsep yang digunakan mempunyai pelbagai pengertian berdasarkan situasi dan tujuan. Oleh itu, definisi operasi yang digunakan dalam kajian ini adalah bersesuaian dengan maksud tujuan kajian yang dijalankan.

1.9.1 Pembelajaran Berasaskan Projek

BTP (2006) mendefinisikan PBP sebagai satu aktiviti dalam bilik darjah yang melibatkan satu jangka masa yang panjang, merentasi pelbagai disiplin, berpusatkan pelajar dan menintegrasikan masalah-masalah dunia sebenar serta mengamalkannya. Dalam kajian ini, PBP adalah tugas projek yang perlu dilaksanakan oleh guru pelatih untuk mereka bentuk bengkel RBT yang lengkap dengan aspek keselamatan diri.

1.9.2 Pembelajaran Berasaskan Projek dalam Talian (ePBP)

Bender (2012) menyatakan bahawa ePBP merupakan satu kaedah PdP yang menfokuskan kepada pelaksanaan sesuatu tugas dengan mengintegrasikan TMK dalam menyelesaikan masalah tugas yang diberikan. Perkembangan bidang TMK dan penggunaan internet yang semakin popular menjadikan situasi pembelajaran dalam talian dapat mengatasi ruang dan kekangan masa. Dalam konteks kajian ini, ePBP adalah berdasarkan kepada fasa-fasa ePBP yang dilakukan secara dalam talian. Fasa-fasa tersebut ialah; (a) pengenalan dan perancangan kumpulan, (b) pencarian maklumat, (c) reka bentuk projek, (d) pembinaan projek, dan (e) persembahan projek (Bender, 2012).

1.9.3 Pemikiran Reka Bentuk

Pemikiran reka bentuk ialah proses penyelesaian cabaran yang dihadapi dengan mengambil kira sifat empati, penjanaan idea, penghasilan prototaip dan pengujian prototaip (Ling, 2015). Dalam kajian ini, pemikiran reka bentuk yang diterapkan adalah berdasarkan proses pemikiran reka bentuk oleh model Ling (2015). Ling, (2015) membahagikan proses pemikiran reka bentuk kepada kepada lima langkah iaitu; (a) menunjukkan sifat empati untuk merasai dan memahami cabaran dan permasalahan yang dihadapi, (b) mendefinisikan yang bermaksud mentakrifkan cabaran dan permasalahan yang dihadapi, (c) memperkembangkan idea untuk meneroka maklumat penyelesaian, (d) membangunkan prototaip bagi penyelesaian cabaran dan masalah yang dihadapi, dan (e) menguji prototaip untuk semakan semula dan membuat keputusan.

1.9.4 Guru Pelatih

Guru pelatih adalah bermaksud bakal guru yang diwajibkan menjalani latihan perguruan untuk mendedahkan mereka tentang tugas, tanggungjawab dan peranan seorang guru di sekolah (Kennedy, 1999). Beliau juga menegaskan bahawa pengalaman yang diperolehi oleh guru pelatih semasa menjalani latihan perguruan akan mereka gunakan sebagai panduan bagi membangunkan kemahiran sendiri dalam bilik darjah kelak. Dalam kajian ini, guru pelatih merujuk kepada guru pelatih jurusan RBT yang mengikuti program PISMP di Intitut Pendidikan Guru (IPG)ambilan Januari 2015.

1.9.5 Regulasi Kendiri

Barnard, Lan, To, Paton, dan Lai, (2009) mendefinisikan regulasi kendiri sebagai kemahiran seseorang mengabungkan kognitif, tingkah laku dan motivasi dalam membantu mencapai matlamat pembelajarannya. Dalam erti kata lain, seseorang individu dapat mengawal pembelajaran mereka secara bebas untuk mencapai matlamat pembelajaran masing-masing. Dalam kajian ini, tahap regulasi kendiri guru pelatih diukur dengan menggunakan instrumen soal selidik regulasi kendiri dalam talian yang dibina oleh Barnard et al., (2009). Berdasarkan min skor soal selidik ini, guru pelatih dikategorikan kepada dua kumpulan iaitu sama ada kumpulan guru pelatih regulasi kendiri tinggi atau kumpulan guru pelatih regulasi kendiri rendah. Penentuan tahap regulasi kendiri guru pelatih akan dihuraikan dalam subtopik 4.4 iaitu prosedur persampelan kajian.

1.9.6 Pencapaian dalam Topik Pengurusan Keselamatan Bengkel

Pencapaian dalam topik Pengurusan Keselamatan Bengkel merujuk kepada jumlah skor yang diperolehi oleh guru pelatih dalam ujian Topik Pengurusan Keselamatan Bengkel yang diukur dengan menggunakan ujian secara bertulis berpandukan format peperiksaan akhir kursus IPG (IPGM, 2014). Konsep yang diuji dalam ujian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel ialah amalan keselamatan bengkel, organisasi dan pengurusan bengkel, reka bentuk bengkel yang berkesan mengikut peraturan dan perundangan dalam pengurusan bengkel.

Ujian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel merangkumi item-item objektif dan subjektif sahaja. Sepuluh item objektif direka bentuk menjurus kepada menguji aras pengetahuan, kefahaman dan aplikasi manakala tiga item subjektif melibatkan item separa terbuka dan terbuka untuk menguji kemahiran menyelesaikan masalah.

1.9.7 Pengekalan

Pengekalan membawa maksud ingatan jangka panjang yang dapat disimpan dalam memori seseorang (Landauer, 1986). Walau bagaimanapun, pengekalan dalam kajian ini membawa maksud pengekalan pencapaian ujian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel guru pelatih selepas 12 minggu intervensi dijalankan (Cohen et. al, 2011; Robson, 2009). Oleh itu, ujian pasca lanjutan dalam kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti pengekalan kesan penerapan pemikiran reka bentuk pada ePBP terhadap pencapaian ujian topik Pengurusan Keselamatan Bengkel.

1.10 Batasan Kajian

Batasan kajian merupakan kekangan yang dihadapi bagi sesebuah kajian. Oleh itu, kajian ini tertakluk kepada beberapa batasan kajian seperti berikut;

- 1.10.1 Kajian yang dilakukan adalah dalam bentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah eksperimen kuasi. Oleh yang demikian, bilangan sampel kajian yang dipilih adalah kecil bagi mengawal kehadiran pengaruh-pengaruh luaran terhadap dapatan kajian.
- 1.10.2 Kajian ini adalah kajian yang hanya melibatkan guru-guru pelatih yang mengikuti program PISMP jurusan RBTambilan Januari 2015 di dua IPG di utara semenanjung Malaysia. Hal ini bermakna guru-guru pelatih di luar dua IPG di utara semenanjung Malaysia tidak termasuk dalam kajian ini. Oleh yang demikian, dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan untuk semua populasi guru-guru pelatih di seluruh Malaysia.

- 1.10.3 Kajian ini hanya menggunakan model pemikiran reka bentuk yang diilhamkan oleh Ling (2015). Oleh sebab itu, sekiranya model pemikiran reka bentuk lain yang digunakan untuk mengkaji kajian yang sama, kemungkinan dapatan yang berbeza diperolehi.
- 1.10.4 Kajian ini hanya menggunakan model ePBP yang diilhamkan oleh Bender (2012). Oleh sebab itu, sekiranya model ePBP lain yang digunakan untuk mengkaji kajian yang sama, kemungkinan dapatan yang berbeza diperolehi.
- 1.10.5 Intervensi yang dilakukan adalah berasaskan kajian tinjauan literatur dari keperluan kesesuaian persekitaran IPG. Justeru, jika bahan pembelajaran PdP lain digunakan untuk mengkaji intervensi yang sama mungkin dapatan yang berbeza diperolehi.
- 1.10.6 Pakar-pakar yang terlibat dalam kajian ini adalah dalam kalangan pensyarah, pensyarah cemerlang RBT dan pegawai pendidikan buku teks yang berpengalaman dalam bidang mata pelajaran RBT melebihi 10 tahun. Kepakaran pensyarah, pensyarah cemerlang dan pegawai pendidikan buku teks berfokus kepada panduan PdP yang sesuai untuk penggunaan ePBP.

1.11 Kesimpulan

Bab ini membincangkan komponen-komponen penting kajian ini termasuklah pendahuluan dan latar belakang kajian. Seterusnya dinyatakan pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian dan kepentingan kajian. Soalan kajian yang dibina merangkumi semua aspek yang dibincangkan dalam pernyataan masalah dan diharap mencakupi semua aspek supaya data yang dikumpul